

---

[BIL. 36 JUN 2019](#)

**MTUN tawar Program Sarjana Muda Tekno**

---

Inisiatif penawaran Program Sarjana Muda Teknologi (*Bachelor of Technology – B.Tech.*) oleh Rangkaian terdiri daripada empat Universiti Awam (UA) iaitu Universiti Malaysia Pahang (UMP), Universiti Tun Hussein Malaysia Melaka (UTeM) dan Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) yang dilancarkan pada 25 Jun 20 bersejarah dan mercu tanda yang amat penting dalam melengkapkan ekosistem Pendidikan Teknikal dan L

Pelancaran program yang disempurnakan oleh Menteri Pendidikan, Dr. Maszlee Malik ini merupakan isy Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk memartabatkan TVET sebagai pemacu kemajuan Malaysia

Ia juga akan menyegarkan semula aliran TVET Malaysia dengan nafas baharu yang mengangkat martaba dan bukan lagi alternatif kelas kedua sebagaimana persepsi negatif sesetengah pihak sebelum ini.

Menurut Dr. Maszlee, sinergi pelbagai pihak yang merentasi pelbagai sektor dalam pembangunan kurikulum amat praktikal dan fleksibel untuk disesuaikan dengan keperluan negara kini dalam mendepani cabaran Re

---

Beliau merakamkan penghargaan kepada rakan-rakan industri dan pakar-pakar dari Jabatan Pendidikan Majlis Amanah Rakyat, Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional, MTUN dan MBOT yang telah bertungkus-bungkus dalam pembangunan kurikulum B.Tech. sehingga berjaya direalisasikan.

“Program ini juga telah ditanda aras dengan program Meister di Republik Persekutuan Jerman dan pihak *and Industry* (MGCCI) telah memaklumkan kesediaan untuk menjadi rakan kerjasama MTUN untuk menerima Meister Germany yang diiktiraf oleh lebih 400 syarikat yang bernaung di bawah MGCCI berlangsung di Dewan Astaka UMP Kampus Gambang.

Hadir sama Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi, Datin Paduka Ir. Dr. Siti Hamisah Tapsir, Pengerusi L. Ahmad dan Naib Canselor UMP, Profesor Ir. Dr. Wan Azhar Wan Yusoff.

Dalam pada itu, Profesor Ir. Dr. Wan Azhar Wan Yusoff berkata, program Sarjana Muda Teknologi MTUN untuk pelajar lepasan DVM/DKM/DLKM untuk menyambung pelajaran di peringkat Ijazah Sarjana Muda dengan untuk mengiktiraf kemahiran aliran TVET sebagai agenda memperkasakan TVET.

“Program ini bakal ditawarkan kepada calon-calon yang layak mulai sesi pengambilan pada bulan September iaitu Teknologi Automotif, Teknologi Penyelenggaraan Fasiliti Minyak & Gas, Teknologi Pemesinan, Penyelenggaraan Sistem Elektrik, Teknologi Pembinaan Bangunan, Teknologi Penyejukan & Penyediaan Elektronik Industri, Teknologi Keselamatan Pekerjaan & Kesihatan dan Teknologi Hospitaliti mengikut bidang.

“Selain itu, penawaran program ini adalah inisiatif artikulasi bagi maksud pensiswazahan lepasan Diploma Kemahiran Malaysia (DKM) dan Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia (DLKM) daripada pelbagai saluran Sarjana Muda dengan kemahiran kreatif-tangan (*craftsmanship*) dalam sepuluh bidang teknologi tersebut.”

Turut berlangsung Siri Bicara Cendekiawan Mulia (*Distinguished Scholar Discourse Series*) yang dianjurkan oleh Persatuan Kakitangan Akademik (PAKAD) UMP yang merupakan satu gelanggang intelektual yang berprestij.

Edisi pada kali ini menampilkan tokoh-tokoh terkenal dalam membincangkan mengenai tajuk 'Cabaran dan Peluang Berkecemerlangan dalam Era Digital' berkongsi kepakaran masing-masing.

Panel terdiri daripada Presiden Lembaga Teknologis Malaysia, Tan Sri Dato' Academician Ir. (Dr.) Ts. Ahrudin (Akademik & Antarabangsa), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Profesor Dr. Ismail Abdul Halim, Ts. Mohd. Nazrul Marzuke dan Pengarah Pusat Inovasi & Daya Saing Akademik (CAIC) UMP, P. sebagai moderator.

---

---

## **Pendidikan STEM acuan pembangunan moda**

Penganjuran Kolokium Pendidikan STEM mampu meningkatkan kompetensi, pengetahuan dan kemahiran mata pelajaran sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM) dan memperoleh maklumat terkini kepada murid.

Selain itu, ianya turut mewujudkan rangkaian kerjasama antara penggubal dasar, ahli akademik, pendidikan kerajaan berkongsi ilmu pengetahuan dan pengalaman dalam melaksanakan program berkaitan pendidikan dalam menjayakan pendidikan STEM.

Keberhasilan yang diharapkan melalui penekanan kepada pendidikan STEM ialah murid yang boleh berfikir teknologi dan menyelesaikan masalah secara kreatif dan inovatif bagi menyediakan sumber tenaga kerja ekonomi negara.

Kolokium anjuran Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP), Kementerian Pendidikan Negeri Pahang dan Universiti Malaysia Pahang (UMP) ini telah dirasmikan oleh Menteri Pendidikan UMP Kampus Gambang pada 25 Jun 2019 yang lalu.

---

Hadir sama Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi, Datin Paduka Ir. Dr. Siti Hamisah Tapsir, Naib Canselor UPM, Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia, Dr. Habibah Abdul Rahim dan Pengarah BPPDP, Dr. Haji A.

Menurut Dr. Maszlee, berdepan dengan cabaran ini, bidang pendidikan juga harus ada perubahan. Berkembangnya bidang STEM, kita mampu memberikan pendidikan yang menepati tonggak revolusi Industri 4.0 pada masa hadapan.

“STEM dikatakan merupakan bidang pengajian atau mata pelajaran yang sering dikatakan berat dan susah.

“Minat dan peratus murid yang mengambil aliran sains atau dalam bidang STEM juga dilihat semakin menurun.

“Sikap terlalu obses untuk mendapatkan keputusan cemerlang dalam peperiksaan menjadikan bilangan pelajar semakin menurun kerana mereka tidak yakin untuk mendapat keputusan yang baik dalam peperiksaan STEM,” ujarnya.

Malah katanya lagi, melalui tinjauan yang dijalankan, terdapat murid-murid yang menukar aliran daripada bidang-bidang lain semasa di universiti.

“Sedangkan bidang-bidang seperti bioteknologi, teknologi nano, kejuruteraan mekanikal, robotik dan big data adalah masa hadapan.

“Justeru, kita perlu berubah pada masa hadapan bagi menanam minat terhadap STEM ini dengan mempromosikan seperti yang dilaksanakan di luar negara.

“Untuk hidup dalam super smart society atau ringkasnya *Society 5.0*, masyarakat Jepun dikatakan perlu lebuhraya dalam bidang yang berkaitan dengan *Internet of Things*, *AI (artificial intelligence)*, *cyber-physical systems*, *Big Data* dan *Cloud*,” katanya.

Tambah beliau, penerapan budaya rakyat Jepun yang mempunyai sikap rajin bekerja, tidak berputus asa, dan berdedikasi tersebut dalam membentuk negara maju.

Dalam pada itu, menurut Profesor Ir. Dr. Wan Azhar, UPM sebagai sebuah Universiti Awam (UA) yang berprestij, mendukung agenda KPM untuk bukan sahaja mengembangkan pendidikan STEM, tetapi juga dua lagi universiti Reading dan Arts, yang melengkapkan gagasan STREAM.

“Walaupun universiti ini merupakan sebuah universiti teknikal, namun falsafah dan nilai terasnya tetap dipertahankan yang kuat dengan Yang Maha Pencipta bagi memastikan setiap aktiviti penerokaan ilmu pengetahuan dan teknologi kemanusiaan sejagat, nilai murni serta etika.

---

“UMP sedang merangka rancangan untuk mempelbagaikan lagi penawaran kursus-kursus elektif yang baru kerana kami mahu bakal jurutera dan teknologis di sini bukan sahaja mampu berbicara tentang bahan atur turut berupaya mengaitkan faedah kajian itu dengan manfaat kemanusiaan,” katanya.

Dalam mengukuhkan pendidikan STEM, UMP dengan kerjasama Motorola Solutions Foundation dan Malaysia telah menubuhkan UMP STEM Lab.

UMP telah memberi manfaat kepada lebih 2,500 murid dan 200 guru melalui modul *Computational Thinking*, *Robotics*, konsep pengaturcaraan mikro pengawal, sistem automasi robotik dan teknologi *internet of things*.

Lebih 1,000 peserta dalam kalangan murid-murid sekolah, guru kaunselor, ibu bapa dan industri menyertai.

Turut berlangsung forum bertajuk ‘Pendidikan STEM Dalam Era Revolusi Perindustian 4.0’, forum bersama ‘Peranan Pentadbir sekolah dalam menyokong pekerjaan berasaskan inkuiri bagi pendekatan STEM’ dan STEM.

---

## **Program *empower Community* dekati masyarakat Orang Asli**

Oleh: MOHAMMAD HAKIMI KAMARUDIN, BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT

Program *empower Community* 2019 daerah Pekan yang dilaksanakan Majlis Pembangunan Wilayah bekerjasama Universiti Malaysia Pahang (UMP) di Sekolah Kebangsaan Simpai, Pekan pada 19 Jun 2019 membuat pelajar luar bandar untuk terus mencapai kejayaan dalam pendidikan.

---

Program yang melibatkan lebih 50 peserta yang terdiri daripada 24 orang pelajar bersama keluarga mereka mengikuti program motivasi sebagai persediaan menghadapi peperiksaan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah.

Turut diadakan aktiviti dalam kumpulan menggunakan modul *Q-Gen* dan senamrobik beramai-ramai.

Program telah dirasmikan oleh Penolong Pegawai Pendidikan Daerah Pekan, Norasda Wali Mohamad dan Nadiana Roseda Mohd Yusof.

Turut sama hadir Pengurus Besar Sosioekonomi dan Projek Khas UMP Advanced, Zainal Bahari, Guru Besar, Malik Sulaiman dan wakil Jabatan Kebajikan Orang Asli (JKOA), Norul Hibriyah Hasnuddin.

Menurut Norasda, program kali ini lebih fokus dalam menyuntik kesedaran pelajar mengenai kebolehan mereka meningkatkan kepercayaan diri sendiri selain membentuk minda ibu bapa tentang kebersihan kawasan mereka selesa dan selamat.

"Kita percaya tiada pelajar daripada komuniti orang Asli tersisih daripada menerima manfaat yang telah mereka melalui program-program yang holistik," katanya.

Beliau juga percaya dengan kerjasama rapat semua agensi yang terlibat dan sokongan padu Kerajaan mentransformasi landskap pendidikan dan sosioekonomi dalam kalangan penerima manfaat ini dalam jangka masa panjang.

Sementara itu Zainal berkata, program yang dijalankan pihak UMP Advanced bersama-sama ECERDC ini merupakan *Special Intervention Programme* (SIP) dalam memberi pendedahkan kepada masyarakat orang asli mengenai kebersihan, cabaran teknologi semasa dan pembangunan insan kepada komuniti serta mendekati masyarakat.

Manakala ibu pelajar, Noratikah A/P Tumpel, 41, berkata sebagai ibu bapa pastinya mereka menghargai usaha yang dilakukan bagi membantu masyarakat Orang Asli.

"Dengan komitmen yang diberikan beliau mengharapkan lebih ramai anak-anak berjaya dalam pembelajaran ke peringkat lebih tinggi setanding dengan masyarakat di Bandar," katanya.

## Sidang Editorial

### PENAUNG

Profesor Ir. Dr. Wan Azhar Wan Yusoff  
[nc@ump.edu.my](mailto:nc@ump.edu.my)

### KETUA EDITOR

Saiful Bahri Ahmad Bakarim  
[saifulbahri@ump.edu.my](mailto:saifulbahri@ump.edu.my)

### EDITOR

Safriza Haji Baharuddin  
[safriza@ump.edu.my](mailto:sufriza@ump.edu.my)

### WARTAWAN/PENULIS

Mimi Rabita Abdul Wahit  
[mimirabitah@ump.edu.my](mailto:mimirabitah@ump.edu.my)

Nur Hartini Mohd Hatta  
[nurhartini@ump.edu.my](mailto:nurhartini@ump.edu.my)

Nor Salwana Mohammad Idris  
[salwana@ump.edu.my](mailto:salwana@ump.edu.my)

### PENTADBIR WEB

MOHD SUHAIMI BIN HASSAN  
[mohdsuhaimi@ump.edu.my](mailto:mohdsuhaimi@ump.edu.my)

### PEREKA GRAFIK

Noor Azhar Abd Rasid  
[noorazhar@ump.edu.my](mailto:noorazhar@ump.edu.my)

### JURUFOTO

Khairu Aidilnisha Rizan Jalil  
[khairul@ump.edu.my](mailto:khairul@ump.edu.my)

Muhammad Naufal Samsudin  
[naufal@ump.edu.my](mailto:naufal@ump.edu.my)

### PEMBANTU PENERBITAN

Hafizatulazlin Abd Aziz  
[lin@ump.edu.my](mailto:lin@ump.edu.my)

Sidang Editorial berhak melakukan penyuntingan terhadap artikel yang diterima. Sidang Editorial tidak bertanggungjawab atas kehilangan atau pencurian karya yang diserahkan. Sidang Editorial tidak bertanggungjawab atas kehilangan atau pencurian karya yang diserahkan. Sidang Editorial tidak bertanggungjawab atas kehilangan atau pencurian karya yang diserahkan. Sidang Editorial tidak bertanggungjawab atas kehilangan atau pencurian karya yang diserahkan.

Sidang Editorial tidak bertanggungjawab atas kehilangan atau pencurian karya yang diserahkan.

Segala sumbangan yang dikirimkan sama ada disiarkan atau tidak disiarkan adalah hak milik UMP. Karya yang diserahkan boleh dihantar melalui e-Mel atau pos kepada penerbit.

### EDITOR

Bahagian Komunikasi Korporat  
Pejabat Naib Canselor  
Canseleri Tun Abdul Razak  
Universiti Malaysia Pahang  
26600 Pekan  
Pahang Darul Makmur  
Tel.: 09-424 5000  
Faks: 09-424 5055  
e-Mel: [safriza@ump.edu.my](mailto:sufriza@ump.edu.my)



5-Star World Class Technological University  
[www.ump.edu.my](http://www.ump.edu.my)



- 131 views

[View PDF](#)

Newsletter Image



# CREATE

*e-newsletter*



Universiti  
Malaysia  
PAHANG  
Engineering • Technology • Creativity

Universiti Teknologi Bertaraf Dunia

